

## KORPORAT

ARKIB : 01/01/2009

## Oilcorp jangka raih kontrak minyak, gas RM10 bilion

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Oilcorp Bhd. (Oilcorp) dijangka meraih kontrak berkaitan industri minyak dan gas bernilai lebih RM10 bilion untuk beberapa tahun akan datang.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, Oilcorp berkata, sebagai vendor berlesen Petronas, syarikat itu akan lebih agresif untuk mendapatkan tender dan kontrak daripada Petronas Carigali, Shell, Murphy Oil, Newfield, CS Mutiara, Exxon Mobil dan Talisman.

"Kami juga sedang meninjau peluang projek kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan bagi kompleks petrokimia di Sabah," katanya.

Baru-baru ini, Oilcorp telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Al Rafid Trading dan Contracting Co., RBS International dan China Mining Holdings Ltd..

MoU dengan Al Rafid dan China Mining itu adalah untuk mendirikan kemudahan fabrikasi serta kerjasama serta melibatkan diri dalam projek fabrikasi gas dan minyak luar pesisir dan perniagaan di Arab Saudi dan China serta Kawasan Pembangunan Kerjasama Jepun.

Sementara, MoU dengan RBS pula membabitkan projek minyak dan gas di Asia Barat.

Oilcorp berkata, syarikat itu menjangkakan memperoleh beberapa kontrak berkaitan teknologi pembersihan menjelang 2010 dan 2011.

"Kami menjangkakan teknologi pembersihan sebagai revolusi teknologi pada masa depan yang mana infrastruktur tenaga akan beralih kepada teknologi tenaga diperbaharui," tambahnya.

Meskipun mencari peluang projek dalam industri minyak dan gas, kumpulan itu masih memberi tumpuan dalam pengurusan hartanah dan pusat peraiangan miliknya iaitu D' Tiara Corp. Ltd..

D' Tiara kini mempunyai beberapa perancangan untuk pembangunan projek baru iaitu D'Tiara Waterfront Resort di Pulau Indah dan D'Tiara Leisure and Health Resort di Genting Sempah.

Ia juga menguruskan D'Tiara Beach Resort di Port Dickson yang diiktiraf sebagai salah sebuah destinasi pelancongan terbaik di Malaysia.